

Lapan rumah dilanda banjir kilat

KAJANG - Kampung Sungai Pening, Hulu Langat, di sini, dilanda banjir sekali lagi selepas hujan lebat petang kelmarin.

Penolong Pengarah Operasi Bomba Selangor, Mohd Sani Harul berkata, siasatan awal mendapati banjir kilat itu berkemungkinan berpunca daripada paip culvert yang tidak dapat menampung air limpahan dari Sungai Pening serta limpahan air dari parit ladang sawit berhampiran.

"Terdapat juga dahan kelapa sawit di dalam parit yang menghalang aliran air," katanya.

Menurutnya, kejadian banjir berlaku kira-kira jam 4 petang.

"Sebanyak lapan rumah dan dua kandang haiwan ternakan dinaiki air setinggi 0.3 hingga 0.6 meter.

"Bagaimanapun tiada mangsa yang dipindahkan," katanya.

Pada 23 Mac lalu, hanya sebuah rumah di Kampung Sungai Pening dinaiki air setinggi 0.3 meter akibat banjir kilat.

Siasatan awal mendapati kejadian berlaku akibat limpahan air daripada sebuah parit tersumbat.



Kampung Sungai Pening sekali lagi dilanda banjir selepas kejadian sama berlaku 23 Mac lalu.